

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia



Sultan Selangor anugerah Bintang2 Kebesaran

SULTAN dan Tengku Ampuan Selangor diiringi oleh Raja Muda Selangor (di belakang Sultan) berangkat masuk ke Balai Rongseri, Istana Alam Shah Kelang kelmarin untuk menganugerahkan Bintang-bintang Darjah Kebesaran sempena Hari Keputeraan baginda ke-56.

Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, dianugerahkan Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati (D.K.) sementara Timbalan Perdana Menteri, Datuk

Musa Hitam dan Menteri Kewangan Tengku Razaleigh Hamzah menerima Seri Paduka Mahkota Selangor (SPMS) yang membawa gelaran Datuk.

Turut menerima Bintang Darjah Kebesaran di istiadat tersebut ialah 12 orang menerima Datuk Paduka Mahkota Selangor (DPMS), 19 menerima Darjah Mahkota Setia Selangor (SMS), 25 menerima Ahli Mahkota Selangor (AMS), tiga menerima Bintang Per-

khidmatan Cemerlang Selangor (BPC) dan 15 menerima Watikah Jaksa Pengaman (JP).

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad (dua dari kanan) dan isterinya, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Haji Mohd. Ali (kanan sekali) di antara kira-kira 800 tetamu yang hadir di istiadat tersebut.

Tembakan meriam 21 das dilepaskan di sepanjang istiadat penganugerahan itu dijalankan. — Gambar Berita. Harian